

26/07/2004

Sukan boleh dijadikan peleraian konflik antarabangsa

By Raja Ahmad Zainuddin

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam lawatan rasminya ke Amerika Syarikat dan Eropah bukan saja berjaya mengukuhkan perhubungan dua hala dengan negara berkenaan, tetapi juga membuka mata dunia mengenai peranan Malaysia dalam mementingkan kesejahteraan dan keamanan dunia sejagat.

Sebagai rakyat Malaysia yang sentiasa menolak keganasan, kita sewajarnya bangga di atas kejayaan Perdana Menteri dalam pertemuan beliau dengan pemimpin-pemimpin besar seperti George W Bush (Amerika Syarikat), Jacques Chirac (Perancis) dan Tony Blair (Britain).

Justeru tiada siapa yang boleh menolak atau menafikan peranan Malaysia ketika ia memimpin Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan (Pertubuhan Persidangan Islam) (OIC) dalam sama-sama memelihara kesejahteraan dan keamanan. Malaysia di lihat sebagai model negara Islam yang berharmoni, bertolak ansur dan harus dicontohi, demikian menurut Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika mengulas keinginan Perdana Menteri Britain itu sendiri untuk melihat kemajuan Malaysia secara dekat.

Sukan akan dilihat jalan terbaik dalam menentukan dunia terus stabil, makmur dan sejahtera. Seperti kata Presiden Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Joseph Blatter ketika merasmikan Kongres Persekutuan Bola Sepak Asia (AFC) di Kuala Lumpur betapa pertandingan bola sepak Piala Dunia berjaya melerai sebarang konflik atau pertentangan mana-mana pihak.

Contoh terdekat ialah ketika AFC yang terpaksa menelan pahit ketika menerima syarat penganjuran Piala Dunia 2002 di mana Korea Selatan dan Jepun mestilah sanggup menjadi tuan rumah bersama. Pada hal dunia amat mengetahui betapa pada waktu yang sama mereka (Korea Selatan dan Jepun) adalah dua musuh ketat yang masih membuat perhitungan mengenai kerugian yang dialami ketika perang dunia.

Kehadiran pasukan Afghanistan di Sukan Asia di Busan juga menjadi satu lagi kenyataan bahawa negara yang menjadi mangsa keganasan Amerika itu diterima dengan senang hati oleh negara-negara peserta yang lain.

Ketika dunia menghadapi konflik antara bangsa, perlumbaan Formula One berjalan dengan lancar di Litar Sepang tanpa sebarang keganasan atau menimbulkan rasa takut ramai pengunjung luar termasuk pelancong dari Amerika dan Eropah itu sendiri.

Tidak lama lagi Sukan Olimpik akan berlangsung di Athens dan ia menjadi saksi sekali lagi apabila temasya sukan yang terbesar ini adalah tempat untuk dunia bersatu dan mengekalkan perpaduan. Alangkah baiknya jika negara-negara yang sedang di landa peperangan seperti Iraq, Palestin dan Afghanistan dapat turut bersama dengan rakan-rakan dari negara-negara lain di dalam mengejar impian menjadi juara dan juga mewujudkan semangat kesukanan yang tinggi.

Greece akan terus dipuja sebagai gergasi baru bola sepak Eropah dan akan menjadi salah sebuah pencabar baru bola sepak Piala Dunia 2006. Kejayaan Greece yang menjuarai Euro 2004 juga dilihat menjadi pembakar semangat dan amat dicemburui oleh negara-negara lain. Kenapa tidak? jika ada kemahuan dan keinginan sudah tentu segala-galanya tidak mustahil boleh berlaku.

Ternyata apa yang dititahkan oleh Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bahawa pemain kita jangan terlalu memilih untuk mengembangkan kemahiran mereka dengan kelab-kelab di luar negara ada

kebenarannya.

Sebaliknya mereka yang ingin menimba pengalaman beraksi dengan kelab-kelab ternama di luar negara perlu terlebih dulu melengkapkan diri dengan ilmu dan pendedahan yang mencukupi sebelum meneruskan hasrat itu.

Beraksi sebagai pemain profesional dalam liga tempatan dan pasukan kebangsaan semata-mata belum cukup dan menjadi satu jaminan mereka akan terpilih atau berupaya memikat hati kelab-kelab ternama.

Kerana ilmu dan pengalaman jugalah kita turut berbangga dengan kejayaan perenang, Lennard Lee yang berjaya mencatat satu lagi sejarah negara kerana berjaya menyeberangi Selat Inggeris dengan catatan masa kurang 10 jam pada 13 Julai lalu.

Bukan kerana tiada permaidani merah yang ditimbulkan di sini atau sambutan sebagai wira negara, tetapi semangat Malaysia boleh sepertimana yang dibuktikan oleh Lee yang berjaya melakukan renang sejauh 33.6 kilometer dalam masa 9 jam dan 45 minit yang sewajarnya menjadi kebanggaan negara terutama beliau lakukan itu adalah untuk tujuan kebajikan.

Lee berenang semata-mata untuk tabung pembinaan kolam renang di Universiti Cambridge tempat beliau belajar dan juga Hospital Christie iaitu sebuah hospital kanser di England.

Selain itu, Lee juga melakukannya untuk Tabung Kanser Seck Kia Eenh di Melaka dan kejayaan beliau sewajarnya juga mendapat pengiktirafan negara sebagaimana Abdul Malek dan Datuk Azhar Mansor, seorang lagi anak Malaysia yang berjaya mencatat sejarah menjadi pelayar solo mengeliling dunia.

Kita berbangga dengan kejayaan Lee terutama semangat patriotik bapanya Dr Lee Siow Ming, seorang saintis di Universiti Kolej London yang turut menerima ucapan tahniah daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said telah menjanjikan rancangan masa depan jika Lee mahu meneruskan minatnya dalam sukan itu. Tetapi bagaimana pula dengan Kementerian Pengajian Tinggi? Tidakkah ia melihat keperluan pengajian pelajar tersebut yang sekarang di tahun dua dalam jurusan sains. Saya pasti bapanya juga memerlukan bantuan kewangan untuk merialisasikan impian anaknya.

Pelajaran Lee adalah tanggungan sendiri dan di sini kementerian berkenaan boleh menimbang samada biasiswa atau apa juga bentuk bantuan pelajaran yang boleh di hulurkan kepadanya sebagai dorongan dan galakan kepada mana-mana keluarga yang lain kerana kita memerlukan lebih ramai rakyat Malaysia seperti mereka untuk menjadi contoh. Setidak-tidaknya beliau akan pulang untuk berbakti kepada negara setelah lulus kelak kerana pada masa ini pun kita kekurangan doktor.

Lee mahupun Malek atau Azhar bukanlah dilahirkan setiap hari. Mereka bagaimanapun, berjaya melakukannya adalah kerana cabaran yang sering kali dilontarkan oleh Perdana Menteri bahawa hanya dengan berani bersaing kita akan berjaya di pentas antarabangsa.

Banyak sudah diperkatakan mengenai kejayaan keluarga atlit cemerlang yang mengharumkan nama negara. Tetapi setelah diajukan pertanyaan bertulis di Sidang Dewan Rakyat yang berakhir Khamis lalu kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) apakah anugerah yang telah diberikan kepada individu dan keluarga yang berjaya mendidik anak mereka mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang sukan, jawapan yang diberikan ialah tiada.

Secara khusus KBS tidak mempunyai anugerah yang diberikan kepada individu dan keluarga yang berjaya mendidik atlit-atlit sehingga mencapai kejayaan dalam bidang sukan.

Skim Hadiah Kemenangan Majlis Sukan Negara (MSN) yang ada sekarang hanya memberi hadiah wang tunai kepada atlit-atlit yang berjaya di temasya sukan antarabangsa seperti Sukan Sea, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik, di samping kejohanan-kejohanan individu dipelbagai peringkat yang

di kenal pasti.

Walau bagaimanapun, anugerah sukan negara mempunyai satu kategori anugerah yang dipanggil anugerah khas yang juga diberikan kepada pemimpin atau individu yang berjaya berbakti terhadap perkembangan sukan negara termasuk individu dan keluarga yang melahirkan anak-anak mereka yang berjaya. Sebagai contoh Datuk Haji Sidek Kamar yang menerimanya pada 1986 (dalam bidang badminton) dan Datuk Haji Mahamad Fathil Dato Mahmood pada 1996 dalam sukan equestrian, selain negeri-negeri yang menganugerahkan darjah-darjah kebesaran.

Di negara-negara barat, mereka amat menyanjung segala kejayaan atlit dan ahli sukan mereka. Korea Selatan setelah menduduki tempat keempat kejohanan piala dunia yang lalu sanggup menawarkan kerakyatan kepada jurulatihnya.

Lagenda bola sepak dunia, Pele juga pernah dilantik menjadi menteri. Tetapi, anugerah yang dimaksudkan kepada mana-mana keluarga rakyat kita yang berjaya sewajarnya dilihat setimpal dengan sumbangan mereka.

Umpamanya sebidang tanah, sebuah rumah atau yang beragama islam menunaikan haji seperti keluarga Fauziah Razak anak seorang peneroka di Rancangan Felcra Seberang Perak yang telah muncul peserta pertama negara meraih pingat emas di Kejohanan Remaja Asia baru-baru ini. Ramai lagi yang menempah kejayaan termasuk pelari pecut, Nazmizan Muhammad.

(END)